



TEONG LOK menunjukkan mendapan tanah didakwa akibat banjir lumpur yang kerap berlaku di Taman Segambut Maju.

Ancaman banjir kilat

KUALA LUMPUR – Pembangunan pesat di ibu kota telah menjadikannya sebagai kawasan yang cukup sinonim dengan banjir kilat.

Hutan dan bukit yang ditarah pasti mengundang padah apabila setiap kali hujan lebat.

Pengalaman perit itu turut dirasai kira-kira 200 penduduk di Taman Segambut Maju sejak empat projek pembangunan baru bermula di kawasan mereka empat bu-

lan lalu.

Tindakan pemaju yang didakwa menebang hutan berdekatan dan ketiadaan saluran perparitan terancang menyebabkan penduduk berjaga-jaga apabila hujan kerana risiko limpahan air bercampur tanah dari kawasan projek memasuki rumah mereka.

Wakil penduduk, S. Sedopathy mendakwa projek tersebut sepatutnya tidak mendapat kelulusan daripada De-

wan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana melibatkan kawasan hutan dan bukit.

Tambahnya, rumah mereka terletak di kawasan rendah berbanding tapak-tapak projek berdekatan.

“Apabila hujan, air melimpah ke kawasan perumahan kami dengan mudah,” katanya kepada pemberita ketika lawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Yew Teong Lok ke

tempat terbabit kelmarin.

Sementara itu, Teong Lok berkata, perkara tersebut akan dirujuk kepada DBKL secepat mungkin.

Beliau menggesa jabatan-jabatan terbabit menjalankan kajian terhadap masalah tersebut untuk mengenal pasti puncanya.

“Saya juga akan meminta DBKL mengeluarkan notis amaran kepada pemaju supaya membuat saliran yang tersusun,” katanya.